

'Tiada masalah jika ketua bahagian buka gerai'

UM 2 APR 2002

KUALA LUMPUR, 1 April — Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi mengingatkan ketua-ketua bahagian UMNO agar tidak melibatkan diri dalam bidang perniagaan kbususnya yang berbentuk perolehan kontrak daripada kerajaan.

Beliau menegaskan, sekiranya mereka masih mahu meneruskan hasrat tersebut, adalah lebih baik ketua bahagian terbabit meletakkan jawatan dengan segera.

Bagaimanapun, katanya, perniagaan yang dikendalikan secara bersendirinya tanpa perolehan kontrak kerajaan seperti mengusahakan kedai makan dan gerai masih dibenarkan.

"Kalau mereka adalah ahli perniagaan dan ingin teruskan perniagaan mereka sendiri, dibolehkan umpamanya kalau mereka membuka gerai di tepi jalan, itu tiada masalah," ujarnya.

Beliau menyatakan demikian kepada oemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini, hari ini.

Sebelum Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu, Dr. Mahathir pernah mengeluarkan arahan kali pertama supaya semua ketua bahagian

mengisytiharkan aset mereka jika masih mahu memegang jawatan tersebut.

Ini sebagai tindakan susulan kepada saranannya supaya golongan terlalu kaya tidak dibenarkan bertanding merebut jawatan parti di peringkat cawangan, bahagian dan MT.

Ini tegas beliau, bagi mengelakkan gejala politik wang berleluasa dalam parti setiap kali tibanya musim pemilihan.

Beliau berkata, mereka yang menjadi ketua bahagian tidak akan diberi peluang mendapat kontrak perniagaan daripada kerajaan.

Tegasnya, jika ada ketua bahagian cuba meraih peluang itu, UMNO akan memaklumkan kepada kementerian dan agensi kerajaan berkaitan supaya jangan melayan permintaan mereka.

Hari ini, Dr. Mahathir turut mengulang amaran itu dan mahu ketua bahagian tidak menggunakan jawatan yang disandang mereka dalam parti untuk memperoleh kontrak-kontrak daripada kerajaan.

"Janganlah harap apabila jadi ketua bahagian UMNO maka segala kontrak mesti diagihkan kepada mereka," tegasnya.